

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN III - PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERKARA KEPENTINGAN NASIONAL**

Seksyen 42. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti.

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 36, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 41, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut *ijtihad* tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.
-